

## KEPERLUAN TERHADAP RAWATAN ALTERNATIF ISLAM: TINJAUAN DI ZON SELATAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Mohd Farhan Md Ariffin<sup>1</sup>, Khadher Ahmad, PhD<sup>2</sup>, Anuar Ramli, PhD<sup>3</sup>

### ABSTRAK

Pengubatan tradisional dan komplementari (PTK) atau dalam istilah Inggeris *Complementary and Alternative Medicine* (CAM) adalah berbeza mengikut negara, lokasi geografi, latar belakang etnik, sosio-ekonomi dan agama. Budaya rawatan terhadap masyarakat dalam negara *multi-ethnic* seperti Malaysia memerlukan pemahaman terperinci berkenaan budaya setempat (*local culture*), kepercayaan (*religious belief*) dan amalan tradisional (*traditional practice*) masyarakat setempat. Kajian oleh World Health Organisation (WHO) menunjukkan 80% populasi negara membangun dan 65% populasi negara maju bergantung kepada PTK dalam penjagaan kesihatan. Kajian dari tahun 2013 hingga 2014 memperlihatkan satu nilai signifikan penglibatan masyarakat Muslim dalam bidang perubatan alternatif di Malaysia. Kehendak terhadap keperluannya meningkat mendadak sehinggakan wujud pelbagai jenis bentuk rawatan alternatif di Malaysia. Rawatan alternatif yang dimaksudkan ialah rawatan berasaskan ruqyah, aura, batin, homeopati dan sebagainya. Salah satu kaedah rawatan alternatif yang semakin diberi perhatian di Malaysia ialah rawatan alternatif berteraskan Islam. Pada tahun 2015, dianggarkan telah wujud lebih 200 pusat rawatan alternatif berteraskan Islam berdaftar di seluruh Malaysia. Peningkatan populariti dan penggunaan rawatan alternatif Islam yang semakin meluas jelas memberi signifikan kepada polisi kesihatan semasa. Perkembangannya memberi impak kepada penurunan masalah kesihatan dalam komuniti. Walaubagaimanapun, sehingga kini 'baseline data' berkenaan rawatan alternatif Islam sangat terhad dan menjadi keperluan mendesak untuk menyediakannya. Hal ini penting bagi memahami "pattern" penerimaan masyarakat terhadap *Islamic medicine*. Melihat kepentingannya, penelitian dilakukan bagi mengukur persepsi masyarakat dari sudut pengetahuan tentang rawatan alternatif Islam, para pengamal, khidmat

---

<sup>1</sup> Pelajar Pascasiswazah PhD, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), 50603, Kuala Lumpur, Malaysia. E-mel: al.muqarrobiin@gmail.com

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), 50603, Kuala Lumpur, Malaysia. E-mel: khadher82@um.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), 50603, Kuala Lumpur, Malaysia. E-mel: mohdanuar@um.edu.my

rawatan disediakan dan prospek masa depan rawatan alternatif Islam di Malaysia. Para responden terdiri dari 148 orang para pesakit yang mengunjungi pusat rawatan alternatif sekitar zon selatan Semenanjung Malaysia (iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor). Berdasarkan edaran borang soal selidik berstruktur kepada para pesakit yang mengunjungi pusat-pusat rawatan Islam di kawasan kajian, dilakukan analisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 16.0. Rumusan kajian mendapati "*Islamic Medicine*" lebih berperanan kepada masyarakat Muslim di zon kajian berbanding perubatan alternatif lain. Kepentingannya dalam merawat penyakit tidak dapat dinafikan. Persepsi masyarakat berhubung prospek rawatan alternatif Islam di zon terbabit amat memberangsangkan. Hal ini menunjukkan kepekaan, keperluan dan sokongan populasi setempat terhadap rawatan alternatif Islam. Didapati faktor utama masyarakat Muslim menggunakan cara rawatan alternatif disebabkan kelemahan sistem rawatan moden merawat penyakit tertentu. Makalah ini berguna sebagai daya usaha terkini memahami pemikiran masyarakat Malaysia berhubung perubatan alternatif Islam seiring keperluan masa kini.

**Kata kunci:** Rawatan Alternatif Islam, Persepsi, Keperluan, Penerimaan, Potensi



## PENDAHULUAN

Menurut Xu Hao (2012), dianggarkan sekitar \$500 juta diperuntukkan rakyat Malaysia untuk PTK. Kajian terkini membuktikan peningkatan penggunaan PTK dalam kalangan pesakit khususnya penghidap penyakit kronik. PTK menjadi pilihan utama masyarakat dalam mengubati penyakit fizikal dan mental selain masalah spiritual.<sup>4</sup> Kajian oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut menunjukkan 56% rakyat Malaysia menggunakan PTK sebagai alternatif kepada perubatan moden dan jumlah tersebut kian meningkat saban tahun.

Menurut Khadher Ahmad (2015), dianggarkan pada tahun 2015, terdapat lebih 200 pusat rawatan alternatif Islam (*Islamic Alternative Medicine*) berdaftar berkonsepkan pengubatan tradisional dan komplementari (PTK) wujud di seluruh Malaysia. Perkembangannya memuncak dengan minat ditunjukkan komuniti saintifik.<sup>5</sup>

Oleh itu, pengumpulan data-data lebih lengkap sedang dijalankan bagi mengenalpasti corak penerimaan masyarakat terhadap petunjuk-petunjuk (*indicator*) dalam pengubatan alternatif Islam di negeri-negeri seluruh Malaysia merangkumi (1) pusat rawatan alternatif Islam itu sendiri; (2) pengamal; (3) pesakit; (4) bahan rawatan; dan (5) khidmat rawatan. Seterusnya dapat dibangunkan *parameter* indeks patuh syariah bagi bidang pengubatan alternatif Islam di Malaysia. Hasil kajian lanjutan akan dapat dimanfaatkan oleh kerajaan untuk membangunkan Malaysia sebagai negara hub pengubatan alternatif Islam sejagat.

## JADUAL PUSAT-PUSAT RAWATAN ALTERNATIF ISLAM DI ZON SELATAN SEMANJUNG MELAYSIA (Melaka, Negeri Sembilan dan Johor)

Dalam kajian yang dijalankan antara tahun 2008 hingga 2013, didapati bahawa perkembangan terhadap perubatan bercirikan perubatan Islam amat memberangsangkan berikutan penerimaan masyarakat terhadapnya yang turut meningkat. Buktinya, dalam tempoh tersebut, pengkaji telah

---

<sup>4</sup> Xu Hao, Chen Ke-Ji, (2012), *Complementary and Alternative Medicine: Is It Possible To Be Mainstream?*, *Chin J Integr Med* 2012, 18(6), 403-404.

<sup>5</sup> Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Muhammad Ikhlās Rosele & Mohamad Zaim Ismail. 2015. Pusat Perubatan Alternatif Islam Di Malaysia: Persepsi Perawat Terhadap Aplikasi Jin Dalam Rawatan. *Journal of Islam and Contemporary Society UNISZA*, bil. 9 (5): 61-86.



menyenaraikan lebih tujuh puluh (70) buah pusat rawatan alternatif berasaskan Islam di Malaysia.

Pusat-pusat rawatan alternatif Islam yang menjadi subjek kajian adalah merangkumi pusat rawatan di semua negeri di Malaysia kecuali Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 15 daripadanya bertapak di zon selatan Semenanjung Malaysia iaitu negeri Melaka, negeri Sembilan dan Johor Darul Takzim.

<i>Bil.</i>	<i>Pusat Rawatan Alternatif Islam</i>
	<i>Negeri Sembilan Darul Khusus</i>
1.	Pusat Perubatan Traditional Delima Nurrun Nubuwwah
2.	Pusat Rawatan Ruhaniah
3.	Pusat Rawatan Islam At-Tobibi
	<i>Melaka</i>
1.	Pusat Rawatan Aura Syifa'
2.	Pusat Perubatan Islam 7 Puteri
3.	Pusat Rawatan Islam Al-Fatah (TIAF)
4.	Pusat Rawatan Alternatif Rohaimi
	<i>Johor Darul Takzim</i>
1.	Pusat Rawatan Alternatif Tradisional Salleh
2.	Pusat Rawatan Islam Shah Misteri
3.	Pusat Terapi Islam Al-Barokah
4.	Baitul Syifa' Kersani (Kersani Training & Consultancy)
5.	Pusat Rawatan Islam TAPEDIRI 65 (Taqwa, Pertahanan Diri & Rawatan Islam)
6.	Pusat Rawatan Darul 'Illaj (Pusat Rawatan Islam & Homeopati)
7.	Pusat Perubatan Ahmadiyah Sufi
8.	Pusat Rawatan Islam Permata Syifa' (Rawatan Bekam Moden & Terapi Herba)

## SKOP DAN METODOLOGI

Makalah ini bertujuan menilai tahap persepsi masyarakat yang terdiri dari kalangan pesakit-pesakit beragama Islam yang mengunjungi pusat-pusat rawatan alternatif Islam yang terdapat di Melaka, negeri Sembilan dan Johor. Tumpuan kajian merangkumi sudut pengetahuan tentang rawatan Islam, para pengamalinya, jenis khidmat rawatan disediakan dan prospek masa depan pusat rawatan Islam.

Pengumpulan data adalah menggunakan satu set borang soal selidik. Sebelum itu, kajian rintis telah dijalankan terhadap 148 orang pesakit untuk menilai tahap kebolehpercayaan borang soal selidik tersebut. Hasil *cronbach alpha* yang diperoleh daripada hasil borang soal selidik tersebut adalah .720 dan ini



lebih besar daripada julat ditetapkan (0.6). Jadi, *validity* (tahap kebolehpercayaan) borang kaji selidik adalah diperakui.

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.720	31

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Setelah itu, data akan dianalisis menggunakan metode *frequency* (jadual kekerapan) melalui perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Ini bagi memastikan data dapat dianalisis dan diolah dengan baik serta memahami signifikan respons. Seterusnya bagi analisis soalan skala bahagian C, pengkaji menggunakan 5 skala mata, iaitu *Sangat Tidak Setuju*, *Tidak Setuju*, *Sederhana Setuju*, *Setuju* dan *Sangat Setuju*.

Skala Jawapan	Tahap Persepsi	Julat Skor
Sangat Tidak Setuju Tidak Setuju	Rendah	1.00-2.33
Setuju	Sederhana	2.331-3.66
Sederhana Setuju Sangat Setuju	Tinggi	3.661-5.00

Daripada skala tersebut, ditetapkan tiga kategori tahap penilaian seperti dalam jadual di atas; iaitu persepsi *Rendah*, *Sederhana* dan *Tinggi*. Oleh demikian, pengkaji dapat menyimpulkan kaitan skala jawapan dengan tahap persepsi responden. Oleh itu, makalah ini berguna untuk menganalisis kaitan antara persepsi masyarakat terhadap hala tuju pusat rawatan sebagai batu asas kepada penambahbaikan dan perkembangan lebih efektif dan memenuhi tuntutan semasa.

PERBINCANGAN KAJIAN

*Bahagian A: Profil Responden*

Satu kajian telah dijalankan di dua puluh enam (15) buah pusat rawatan alternatif Islam sekitar zon selatan Semenanjung Malaysia (Melaka, negeri Sembilan dan Johor). Dalam kajian ini, soal selidik telah dirangka untuk mendapatkan data butir-butir peribadi responden berdasarkan jawapan yang diberikan bagi soalan 1-5 bahagian A. Bahagian ini memaparkan jantina, umur, status, taraf pendidikan tertinggi dan pekerjaan.

Latar Belakang Responden Mengikut Jantina, Umur, Status, Taraf Pendidikan Tertinggi dan Pekerjaan


Latar Belakang Responden		Kekerapan	Peratus
<i>Jantina</i>	Lelaki	73	49.3
	Perempuan	75	50.7
	<i>Jumlah</i>	148	100.0
<i>Umur</i>	17 tahun ke bawah	4	2.7
	18 tahun - 29 tahun	45	30.4
	30 tahun - 40 tahun	29	19.6
	41 tahun - 50 tahun	35	23.6
	51 tahun ke atas	35	23.6
	<i>Jumlah</i>	148	100.0
<i>Status</i>	Belum berkahwin	44	29.7
	Berkahwin	85	57.4
	Duda/Janda	19	12.8
	<i>Jumlah</i>	148	100.0
<i>Taraf Pendidikan Tertinggi</i>	Sekolah Rendah	11	7.4
	Pondok/Pesantren	7	4.7
	Sekolah Menengah	46	31.1
	IPT Dalam Negara	70	47.3
	IPT Luar Negara	14	9.5
	<i>Jumlah</i>	148	100.0
<i>Pekerjaan</i>	Kerajaan	45	30.4
	Badan Berkanun	16	10.8
	Swasta	39	26.4
	Bekerja Sendiri	27	18.2
	Tidak Bekerja	17	11.5
	Pelajar	4	2.7
	<i>Jumlah</i>	148	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Berdasarkan taburan responden dalam Jadual 1, bilangan responden perempuan mengatasi bilangan responden lelaki. Jumlah responden perempuan seramai 75 orang (50.7%) manakala seramai 73 orang (49.3%) dari kaum lelaki. Ini dapat dilihat pada rajah 1.




Rajah 1: Taburan Responden Mengikut Jantina



Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Masih merujuk jadual 1, didapati jumlah tertinggi responden seramai 45 orang (30.4%) terdiri dari mereka yang berumur antara 18 tahun - 29 tahun. Peratusan terendah dicatatkan golongan berumur 17 tahun ke bawah sebanyak 4 orang (2.7%).


Rajah 2: Taburan Responden Mengikut Umur



Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Rajah 3 menunjukkan bilangan tertinggi dicatatkan golongan yang sudah berkahwin berjumlah 85 orang (57.4%). Peratusan terendah dicatatkan golongan duda/janda sebanyak 19 orang (12.8%).


Rajah 3: Taburan Responden Mengikut Status



Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Kenyataan dari jadual 1 sebelum ini menunjukkan peratusan tertinggi dicatatkan bagi bahagian pendidikan tertinggi ialah dari IPT Dalam Negara sebanyak 70 orang (47%). Peratusan terendah dicatatkan dari pondok/pesantren berjumlah 7 orang (4.7%). Lain-lain data telah dirangkumkan dalam rajah berikut.

Rajah 4: Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan Tertinggi




Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)



Di samping itu, bilangan tertinggi jenis pekerjaan responden adalah dari kategori kerajaan dengan jumlah 45 orang (30.4%). Kategori pelajar mencatat peratusan terendah berjumlah 4 orang (2.7%). Ini dapat digambarkan melalui rajah berikut.

Rajah 5: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan



Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

***Bahagian (B): Interaksi Responden Terhadap Rawatan Alternatif Berteraskan Islam di Melaka, negeri Sembilan dan Johor Darul Takzim***

Dalam bahagian ini, pengkaji menganalisis pengetahuan dan interaksi responden terhadap rawatan alternatif berteraskan Islam. Berikut merupakan dapatan kajian merujuk kepada jawapan responden bagi soalan B1 - B7.

B1: Persepsi responden sama ada mengetahui kewujudan pusat rawatan alternatif berteraskan Islam khususnya di Melaka, negeri Sembilan dan Johor.

	Kekerapan	Valid Percent
Ya	147	99.3
Tidak	1	.7
Jumlah	148	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, majoriti responden mengatakan “ya” iaitu sebanyak 147 orang (99.3%). Manakala sebaliknya hanya seorang (0.7%).



B2: Persepsi responden sama ada pernah mendapatkan khidmat rawatan penyakit di pusat rawatan alternatif.

		Kekerapan	Valid Percent
Adakah	Ya	145	98.0
pernah	Tidak	3	2.0
mendapatkan	Jumlah	148	100.0
rawatan			

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Jadual di atas menunjukkan 145 orang (98.0%) responden pernah mendapatkan rawatan berbanding hanya 2.0% sebaliknya.

B3: Persepsi responden mengenai jenis pusat rawatan alternatif sering dirujuk.

	Kekerapan	Valid Percent
Rawatan Berteraskan Islam	117	80.7
Pusat Rawatan Bekam	13	9.0
Rawatan Tradisional (Bomoh, dukun)	13	9.0
Lain-lain	5	1.4
Jumlah	148	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, rawatan berteraskan Islam mencatatkan jumlah tertinggi seramai 117 orang (80.7%). Jumlah terendah terdiri dari lain-lain rawatan berjumlah 5 orang (1.4%).

B4: Persepsi responden mengenai jenis khidmat rawatan penyakit yang biasa dirujuk di pusat rawatan alternatif berteraskan Islam.

	Kekerapan	Valid Percent
Penyakit yang disebabkan oleh gangguan makhluk halus	98	67.6
Penyakit fizikal	30	19.3
Penyakit yang berkaitan jiwa atau mental	20	12.4
Lain-lain	1	.7
Jumlah	148	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Peratusan tertinggi menunjukkan rujukan masyarakat kuat didorong penyakit disebabkan oleh gangguan makhluk halus berjumlah 98 orang (67.6%). Peratusan kedua tertinggi dicatat penyakit fizikal berjumlah 28 orang (19.3%). Taburan terendah dicatat kategori lain-lain sebanyak seorang (0.7%).



B5: Persepsi responden tentang faktor yang mendorong mendapatkan dan merujuk kepada khidmat rawatan alternatif berteraskan Islam

	Kekerapan	Valid Percent
Kesukaran pihak hospital atau klinik untuk mengubati pesakit tersebut	47	32.4
Lebih yakin dengan pendekatan dalam rawatan Islam	39	26.9
Mencuba sesuatu yang baru	22	15.2
Desakan daripada ahli keluarga atau rakan-rakan	13	9.0
Kemahuan sendiri untuk mendapatkan khidmat rawatan berteraskan Islam	23	15.9
Lain-lain	1	.7
Jumlah	148	

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 47 orang (32.4%) mengatakan kesukaran pihak hospital atau klinik untuk mengubati pesakit tertentu menjadi faktor pendorong rujukan ke pusat rawatan alternatif. Taburan kedua tertinggi pula disebabkan lebih yakin dengan pendekatan dalam rawatan Islam berjumlah 39 orang (26.9%). Taburan terendah menunjukkan desakan ahli keluarga atau rakan-rakan berjumlah 13 orang (9.0%).

B6: Persepsi bagaimana responden mengetahui lebih lanjut berhubung dengan pusat rawatan alternatif berteraskan Islam

	Kekerapan	Valid Percent
Media Massa	25	16.9
Media Elektronik	25	16.9
Iklan papar tanda	5	3.4
Maklumat dari rakan-rakan/ahli keluarga	79	53.4
Usaha sendiri mencari	14	9.5
Jumlah	148	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Jadual di atas menunjukkan taburan tertinggi adalah melalui maklumat dari rakan dan ahli keluarga berjumlah 79 orang (53.4%). Peratusan kedua tertinggi adalah melalui media massa dan media elektronik dengan masing-masing berjumlah 25 orang (16.9%). Peratusan terendah adalah melalui iklan papar tanda sebanyak 5 orang (3.4%).

***Bahagian (C): Skala Persepsi Responden Terhadap Pusat Rawatan Alternatif Berteraskan Islam Di Melaka, negeri Sembilan dan Johor Darul Takzim***

Dalam bahagian ini, pengkaji menganalisis interaksi responden terhadap rawatan alternatif berteraskan Islam berdasarkan tiga pecahan besar;

- (1) *Persepsi responden mengenai skop rawatan pengubatan alternatif berasaskan Islam*
- (2) *Persepsi responden mengenai skop perawat yang mengamalkan pengubatan alternatif Islam*
- (3) *Persepsi responden mengenai prospek masa hadapan pengubatan alternatif Islam*

Berikut merupakan dapatan kajian merujuk kepada jawapan responden bagi soalan C1 – C11.

- (1) *Persepsi responden mengenai skop rawatan pengubatan alternatif berasaskan Islam*

C1: Pusat rawatan alternatif berteraskan Islam berperanan penting sepertimana hospital dan klinik

	Kekerapan	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	1	.7
Tidak Setuju	1	.7
Setuju	37	25.0
Sederhana Setuju	53	35.8
Sangat Setuju	56	37.8
Jumlah	148	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi sebanyak 37.8% “*sangat setuju*” pusat rawatan alternatif berteraskan Islam memainkan peranan penting seperti mana hospital dan klinik. Kelompok responden yang “*tidak setuju*” dan “*sangat tidak setuju*” masing-masing mencatatkan jumlah terendah sebanyak 0.7%.

C2: Sumber utama ilmu pengubatan Islam adalah daripada al-Qur'an dan sunnah Nabi



	Kekerapan	Valid Percent
Setuju	16	10.8
Sederhana Setuju	31	20.9
Sangat Setuju	101	68.2
Jumlah	148	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi sebanyak 68.2% “*sangat setuju*” sumber utama ilmu pengubatan Islam adalah daripada al-Qur’an dan sunnah Nabi. Peratusan terendah dicatatkan kelompok “*setuju*” sebanyak 10.8%.

C3: Rawatan alternatif Islam menyediakan khidmat rawatan bertepatan dengan syariat

	Kekerapan	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	2	1.4
Tidak Setuju	8	5.4
Setuju	61	41.2
Sederhana Setuju	34	23.0
Sangat Setuju	43	29.1
Jumlah	148	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi responden sebanyak 41.2% sekadar “*setuju*” semua pusat rawatan alternatif berteraskan Islam di zon selatan Semenanjung Malaysia menyediakan khidmat rawatan bertepatan dengan syariat. Peratusan terendah dicatatkan kelompok “*sangat tidak setuju*” sebanyak 1.4%.

C4: Menggunakan jampi serapah atau sesuatu mantera yang tidak difahami dan digabungkan dengan ayat-ayat al-Quran atau doa-doa tertentu bukan merupakan pengubatan berteraskan Islam

	Kekerapan	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	7	4.7
Tidak Setuju	9	6.1
Setuju	43	29.1
Sederhana Setuju	32	21.6
Sangat Setuju	57	38.5
Jumlah	148	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi sebanyak 38.5% “*sangat setuju*” penggunaan jampi serapah atau sesuatu mantera yang tidak difahami dan digabungkan dengan ayat-ayat al-Quran atau doa-doa tertentu bukan merupakan pengubatan berteraskan Islam. Peratusan terendah dicatatkan kelompok “*sangat tidak setuju*” sebanyak 4.7%.

C5: Pusat rawatan alternatif Islam sesuai melibatkan makhluk halus sahaja

	Kekerapan	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	28	18.9
Tidak Setuju	65	43.9
Setuju	20	13.5
Sederhana Setuju	19	12.8
Sangat Setuju	16	10.8
Jumlah	148	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi sebanyak 43.9% “*tidak setuju*” pusat rawatan alternatif Islam hanya sesuai untuk mendapatkan khidmat rawatan penyakit yang melibatkan makhluk halus sahaja. Peratusan terendah responden dicatatkan kelompok “*sangat setuju*” sebanyak 10.8%.

C6: Penyakit fizikal seperti demam, sakit kepala, kencing manis, lemah jantung dan lain-lain turut dirawat di pusat rawatan alternatif Islam

	Kekerapan	Valid Percent
Tidak Setuju	3	2.0
Setuju	43	29.1
Sederhana Setuju	56	37.8
Sangat Setuju	46	31.1
Jumlah	148	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi sebanyak 37.8% memilih “*sederhana setuju*” penyakit fizikal seperti demam, sakit kepala, kencing manis, lemah jantung dan lain-lain turut dirawat di pusat rawatan alternatif berasaskan Islam. Peratusan terendah dicatatkan “*tidak setuju*” sebanyak 2.0%.

(2) *Persepsi responden mengenai skop perawat yang mengamalkan pengubatan alternatif Islam*



C7:Aspek keperibadian perawat merupakan aspek penting dalam menentukan kriteria seorang perawat

	Kekerapan	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	1	.7
Tidak Setuju	2	1.4
Setuju	30	20.3
Sederhana Setuju	49	33.1
Sangat Setuju	66	44.6
Jumlah	148	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi sebanyak 44.6% "*sangat setuju*" aspek keperibadian perawat merupakan aspek penting dalam menentukan kriteria seorang perawat Islam. Peratusan terendah dicatatkan "*sangat tidak setuju*" sebanyak 0.7%.

C8: Perawat hanya terdiri dari kalangan mereka yang bergelar "*ustaz*" atau "*ustazah*"

	Kekerapan	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	21	14.2
Tidak Setuju	32	21.6
Setuju	22	14.9
Sederhana Setuju	18	12.2
Sangat Setuju	55	37.2
Jumlah	148	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi sebanyak 37.2% "*sangat setuju*" perawat terdiri dari kalangan mereka yang bergelar "*ustaz*" atau "*ustazah*" sahaja. Peratusan terendah dicatatkan "*sangat tidak setuju*" sebanyak 14.2%.

(3) *Persepsi responden mengenai prospek masa hadapan pengubatan alternatif Islam*

C9: Pusat rawatan alternatif Islam bakal berkembang dengan lebih pesat dan maju pada masa akan datang

	Kekerapan	Valid Percent
Tidak Setuju	1	.7
Setuju	24	16.2
Sederhana Setuju	46	31.1
Sangat Setuju	77	52.0
Jumlah	148	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi sebanyak 52.0% "*sangat setuju*" pusat rawatan alternatif Islam bakal berkembang dengan lebih pesat dan maju pada masa akan datang. Peratusan terendah dicatatkan kelompok "*tidak setuju*" 0.7%.

C10: Pusat rawatan alternatif boleh berkembang apabila bergabung dengan hospital dan klinik

	Kekerapan	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	1	.7
Tidak Setuju	6	4.1
Setuju	23	15.5
Sederhana Setuju	56	37.8
Sangat Setuju	62	41.9
Jumlah	148	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi sebanyak 41.9% "*sangat setuju*" pusat rawatan alternatif Islam boleh berkembang apabila bergabung dengan hospital dan klinik. Peratusan terendah dicatatkan kelompok "*sangat tidak setuju*" sebanyak 0.7%.

C11: Pusat rawatan Islam boleh mengambil alih peranan hospital dan klinik

	Kekerapan	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	3	2.0
Tidak Setuju	31	20.9
Setuju	41	27.7
Sederhana Setuju	43	29.1
Sangat Setuju	30	20.3
Jumlah	148	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)



Dalam jadual di atas, taburan tertinggi sebanyak 29.1% "*sederhana setuju*" pusat rawatan alternatif Islam boleh mengambil alih peranan hospital dan klinik dalam rawatan penyakit. Taburan terendah dicatatkan kelompok "*sangat tidak setuju*" sebanyak 2.0%.

## PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan perbincangan terdahulu dalam bahagian B, majoriti responden mengetahui kewujudan pusat rawatan alternatif berteraskan Islam di Malaysia dan pernah mendapatkan rawatan. Malah, pusat rawatan alternatif berteraskan Islam merupakan jenis pusat rawatan alternatif yang sering dirujuk para responden.<sup>6</sup> Ini membuktikan, perubatan alternatif berteraskan Islam berperanan penting kepada masyarakat Muslim di selatan Semenanjung Malaysia berbanding perubatan alternatif lain.

Malah, peratusan tertinggi responden turut berpandangan "*sangat bersetuju*" berkenaan peranan penting pusat rawatan alternatif berteraskan Islam sepertimana hospital dan klinik. Ini sekaligus memperlihatkan tahap persepsi yang tinggi dalam kalangan responden dan tidak boleh menafikan peranan rawatan alternatif Islam dalam rawatan penyakit.<sup>7</sup>

Tahap persepsi tinggi dalam kalangan responden turut dapat diperhatikan apabila peratusan tertinggi responden mengatakan "*tidak setuju*" pusat rawatan alternatif Islam hanya sesuai untuk mendapatkan khidmat rawatan penyakit melibatkan makhluk halus sahaja. Justeru, ini menunjukkan keyakinan masyarakat terhadap potensi peranan pusat rawatan alternatif Islam yang lebih luas dari kebiasaannya.<sup>8</sup>

Signifikan pusat rawatan alternatif Islam di zon selatan Semenanjung Malaysia dipengaruhi atas dua faktor utama iaitu;

(1) Peratusan besar responden mendapatkan kaedah rawatan alternatif Islam oleh kerana kesukaran pihak hospital atau klinik untuk mengubati pesakit tertentu.<sup>9</sup> Hal ini tidak menampakkan perbezaan dari faktor kebiasaan dirujuk kepada rawatan Islam iaitu apabila kesukaran pihak hospital atau klinik untuk mengubati penyakit tertentu. Justeru, rawatan Islam hanya bertindak sebagai alternatif dalam rawatan penyakit dan bukan "*main choice*."

<sup>6</sup> Lihat perbincangan soalan B1, B2 dan B3.

<sup>7</sup> Lihat perbincangan soalan C1.

<sup>8</sup> Lihat perbincangan soalan C5.

<sup>9</sup> Lihat perbincangan soalan B5.



(2) Hampir 70% rujukan masyarakat kepada pusat rawatan Islam adalah apabila melibatkan fungsi kebiasaannya (*normal function*) sebagai penyelesaian masalah penyakit spiritual atau gangguan makhluk halus.<sup>10</sup>

Meneliti pecahan pertama analisis bahagian C berhubung persepsi responden mengenai skop rawatan pengubatan alternatif berasaskan Islam, persepsi tahap tinggi responden dapat dilihat apabila majoriti responden masing-masing memilih "*sangat setuju*" sumber utama ilmu pengubatan Islam adalah daripada al-Qur'an dan sunnah Nabi serta penggunaan jampi serapah atau sesuatu mantra yang tidak difahami dan digabungkan dengan ayat-ayat al-Qur'an atau doa-doa tertentu bukan merupakan pengubatan berteraskan Islam.<sup>11</sup> Justeru, para responden sangat memahami dasar manhaj "*Islamic medicine*" dan mampu menilai secara terus rawatan yang diberikan oleh perawat. Malah atas sebab yang sama, responden memberikan persepsi sederhana apabila membicarakan mengenai usul berkenaan rawatan alternatif Islam menyediakan khidmat rawatan yang bertepatan dengan syariat.<sup>12</sup> Jelas, persepsi sederhana ini wujud tidak lain adalah akibat masih terdapat pusat rawatan alternatif Islam yang mengamalkan cara meragukan, penggunaan jin dan aplikasi khurafat tahyul yang bercanggah dengan norma *Islamic medicine*.<sup>13</sup>

Selanjutnya, berkenaan usul penyakit fizikal seperti demam, sakit kepala, kencing manis, lemah jantung dan lain-lain yang turut dirawat di pusat rawatan alternatif berteraskan Islam. Persepsi responden terhadap peranan perubatan alternatif Islam dalam rawatan penyakit fizikal ternyata berada pada tahap sederhana.<sup>14</sup> Ini membuktikan responden tidak mengetahui lebih lanjut akan skop peranan lebih komprehensif yang mampu dimainkan rawatan alternatif Islam. Sesuatu perlu dilakukan dengan segera. Perkara ini perlu diperkukuh dengan memberi penekanan kepada aspek rawatan fizikal di pusat-pusat rawatan alternatif Islam.<sup>15</sup>

<sup>10</sup> Lihat perbincangan soalan B4.

<sup>11</sup> Lihat perbincangan soalan C2 dan C4.

<sup>12</sup> Lihat perbincangan soalan C3.

<sup>13</sup> Peletz, Michael G. 1988. "Poisoning, Sorcery, and Healing Rituals in Negeri Sembilan." *Bijdragen tot de taal-, land-en volkenkunde* 144, no. 1.

<sup>14</sup> Lihat perbincangan soalan C6.

<sup>15</sup> Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin, Abdullah Yusof, Sedek Arifin. 2014. *Penyakit Spiritual, Fizikal Dan Mental Yang Dirawat Di Pusat Perubatan Alternatif Islam Di Malaysia: Satu Analisis*. In Mohd Roslan Mohd Nor, Khadher Ahmad, *Islam & Ketamadunan Melayu: Kemasyarakatan Dan Isu Semasa*, Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan APIUM, h. 455-464.



Seterusnya, mengulas berkenaan *persepsi responden mengenai skop perawat yang mengamalkan pengubatan alternatif Islam* dalam soalan C7 dan C8 secara menyeluruh, pengkaji dapat menyatakan majoriti responden sangat menilai keperibadian perawat dalam menentukan kriteria seorang perawat dan tidak menyokong dasar perawat hanya terdiri dari kalangan mereka yang bergelar “ustaz” atau “ustazah” sahaja.<sup>16</sup> Sesiapa sahaja berkecualan menjadi perawat dan menyediakan khidmat rawatan dengan syarat memiliki ilmu, kepakaran dan kaedah rawatan yang tidak bercanggah dengan kesucianajaran Islam.<sup>17</sup>

Daripada keseluruhan analisis bahagian C berkenaan *persepsi responden mengenai prospek masa hadapan pengubatan alternatif Islam* di zon kajian, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa sokongan dan kepercayaan responden terhadap perkembangan *Islamic based-medicine* amat baik. Ini dibuktikan dalam soalan C9 (*Pusat rawatan alternatif Islam bakal berkembang dengan lebih pesat dan maju pada masa akan datang*) dan C10 (*Pusat rawatan alternatif Islam boleh berkembang apabila bergabung dengan hospital dan klinik*). Kenyataan ini disokong oleh majoriti responden yang “sangat setuju” (memiliki persepsi tahap tinggi) *Islamic medicine* berpotensi besar, memiliki paradigma untuk terus maju dan berintegrasi dengan rawatan konvensional moden.<sup>18</sup>

Berbeza dengan data sebelumnya, peratusan tertinggi responden hanya menyatakan “*sederhanasetuju*” bagi analisis dapatan soalan C11.<sup>19</sup> Justeru, persepsi masyarakat dalam isu “*pengambilalihan peranan*” institusi kesihatan moden untuk diberikan kepada pusat rawatan Islam berada pada tahap sederhana. Kesimpulannya, sokongan masyarakat untuk diwujudkan kombinasi antara rawatan alternatif dengan moden perlu direalisasikan. Bidang rawatan alternatif Islam perlu maju seiring kecanggihan teknologi perubatan. Pengambilalihan peranan institusi sedia ada bukanlah jalan terbaik. Satu titik pertemuan perlu dicari demi kepentingan bersama. Praktik rawatan secara Islam tidak dinafikan bermanfaat. Namun, ia mungkin mencetuskan bahaya kepada pesakit jika mengabaikan rujukan pada pusat perubatan moden untuk proses kesembuhan tanpa keraguan.<sup>20</sup>

<sup>16</sup> Lihat perbincangan soalan C7 dan C8.

<sup>17</sup> Esther Walcott, 2004. “*Seni Pengobatan Alternatif: Pengetahuan dan Persepsi*”, Kerja Kursus Program Australian Consortium for In Country Indonesia Studies (ACICIS), Malang, Indonesia: Universitas Muhammadiyah.

<sup>18</sup> Lihat perbincangan soalan C10.

<sup>19</sup> Lihat perbincangan soalan C11.

<sup>20</sup> John A. Astin, “*Why Patients Use Alternative Medicine: Results of A National Study*,” *JAMA* 1998; 279 (19), pp. 1548-1553.



## RUMUSAN KAJIAN

Rumusan yang dapat dinukilkan di sini ialah;

(1) Sokongan masyarakat Muslim di negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Johor terhadap fenomena keperluan terhadap rawatan alternatif Islam amat menggalakkan. Responden yakin bidang rawatan alternatif mampu berkembang pesat di Malaysia.

(2) Penggabungan rawatan alternatif dengan institusi kesihatan moden sedia ada amat dialu-alukan. Meskipun memerlukan masa untuk proses adaptasi menyeluruh, kepentingan kedua-duanya tidak wajar dipisahkan.

(3) Keberkesanan rawatan secara alternatif masih menjadi bahan pertikaian. Di sini, sisi keilmuan perawat memainkan peranan penting untuk mendapatkan lebih keyakinan masyarakat. Proses “takeover” fungsi institusi kesihatan moden sedia ada dianggap tidak wajar oleh masyarakat. Ini mungkin dinilai berasaskan beberapa faktor. Antaranya berkait latar belakang pendidikan dan pengalaman perawat alternatif yang sulit diukur tahap kecekapan, keberhasilan pengesanan dan rawatan penyakit yang lebih *thabit* dengan alatan moden serta keberadaan hospital dan klinik kesihatan yang *multi-fungsi* kepada masyarakat.

(4) Walaupun persepsi masyarakat membuktikan kecenderungan kepada pemilihan perubatan moden sebagai langkah selamat, perubatan alternatif perlu terus dibangunkan. Malah, lebih 70% populasi di negara membangun masih bergantung kepada sistem perubatan komplementari atau alternatif. Terutama di kawasan desa, budaya kepercayaan dan praktik setempat lazimnya melakukan penjagaan diri sendiri (*self-care*), ubat-ubatan kampung atau khidmat nasihat dengan perawat tradisional (*traditional healer*).<sup>21</sup>

Akhirnya, “Islamic Medicine” diakui amat berperanan kepada populasi kajian. Oleh demikian, semua isu berbangkit yang menonjolkan kelemahan *Islamic medicine* wajar ditangani secara berkesan. Kaedah pertama yang harus digerakkan ialah memberi ilmu dan kesedaran kepada masyarakat terhadap prospekdan peranan lebih luas dimiliki “Islamic-based Medicine.” Kaedah kedua memastikan keberkesanan (*efficacy*), keselamatan (*safety*) dan kawalan kualiti (*quality control*) aspek rawatan yang menjadi bahan cemuhan pakar perubatan konvensional dapat diimplementasi secara efektif.<sup>22</sup> Semua

<sup>21</sup> Hassan Azaizeh, Bashar Saad, Edwin Cooper, Omar Said, (2010), “Traditional Arabic and Islamic Medicine, A Re-Emerging Health Aid”, eCAM 2010; vol. 7 (4), pp. 419–424.

<sup>22</sup> Xu Hao, Chen Ke-Ji, (2012), *Complementary and Alternative Medicine: Is It Possible To Be Mainstream?*, Chin J Integr Med 2012, 18(6), 403-404.



pihak terlibat perlu menjalin kerjasama memperkasa peranan “*Islamic Medicine*.” Hasilnya, “*Islamic Medicine*” bakal mencapai sasaran menjadi “*mainstream*” dalam rawatan penyakit di Malaysia dan bukan sekadar “*last choice*.”

### **Penghargaan**

Kami mengucapkan terima kasih kepada Geran Penyelidikan Universiti Malaya RG419-12 HNE bertajuk “*Pusat Rawatan Alternatif Berteraskan Al-Quran Dan Sunnah: Kajian Malaysia*” kerana menyediakan peruntukan bagi penyelidikan ini.

### Bibliografi

- Esther Walcott, 2004. "Seni Pengobatan Alternatif: Pengetahuan dan Persepsi", Kerja Kursus Program Australian Consortium for In Country Indonesia Studies (ACICIS), Malang, Indonesia: Universitas Muhammadiyah.
- Hassan Azaizah, Bashar Saad, Edwin Cooper and Omar Said, (2010), "Traditional Arabic and Islamic Medicine, A Re-Emerging Health Aid", *eCAM* 2010; vol. 7 (4), pp. 419-424
- John A. Astin, "Why Patients Use Alternative Medicine: Results of A National Study," *JAMA* 1998; 279 (19), pp. 1548-1553.
- Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin, Abdullah Yusof & Sedek Arifin. 2014. Penyakit Spiritual, Fizikal Dan Mental Yang Dirawat Di Pusat Perubatan Alternatif Islam Di Malaysia: Satu Analisis. In Mohd Roslan Mohd Nor, Khadher Ahmad, Islam & Ketamadunan Melayu: Kemasyarakatan Dan Isu Semasa, hlm. 455-464. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan APIUM
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohamad Zaim Isamail. 2015. Pusat Perubatan Alternatif Islam Di Malaysia: Persepsi Perawat Terhadap Aplikasi Jin Dalam Rawatan. *Journal of Islam and Contemporary Society UNISZA*, bil. 9 (5): 61-86.
- Peletz, Michael G. "Poisoning, Sorcery and Healing Rituals in Negeri Sembilan." *Bijdragen tot de taal-, land-en volkenkunde* 144, no. 1 (1988).
- Xu Hao, Chen Ke-Ji, (2012), *Complementary and Alternative Medicine: Is It Possible To Be Mainstream?* *Chin J Integr Med* 2012, 18(6), 403-404.